



TEKS SEMBAH UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN
FESTIVAL TAMAN KUALA LUMPUR 2025**

17 OKTOBER 2025

**TAMAN TASIK TITIWANGSA
KUALA LUMPUR**

Terima kasih pengacara majlis.

بسم الله الرحمن الرحيم
الحمد لله رب العالمين، وصلاة وسلام على سيدنا محمد اشرف
المرسلين، وعلى آله وصحبه اجمعين، ربنا آتنا من لدنك رحمة،
وهيئ لنا من أمرنا رشدا، رب اشرح لي صدري، ويسر لي
أمری، واحلل عقدة من لساني، يفقهوا قولي.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan
Salam Malaysia MADANI.

Menghadap

Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong

Raja Zarith Sofiah

Ampun Tuanku Beribu Ampun

Sembah Patik Pohon Diampun

1. Patik merangkaikan ucapan setinggi-tinggi junjungan kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku berangkat bercemar duli serta menyempurnakan penganjuran Festival Taman Kuala Lumpur 2025 pada pagi ini.
2. Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Tuanku ke festival ini amat memberi makna yang cukup besar buat patik-patik sekalian

selain menjadi lambang sokongan Duli Tuanku terhadap Wilayah Persekutuan dalam menjayakan agenda kelestarian dan keterangkuman bandar raya ini.

Ampun Tuanku,

3. Patik pohon limpah perkenan Tuanku untuk patik mengalu-alukan kehadiran tetamu kehormat serta para hadirin yang turut hadir memeriahkan majlis pada pagi ini.

Ampun Tuanku.

Menjunjung Kasih Tuanku.

Yang Amat Berbahagia

Toh Puan Datuk Patinggi Fauziah Binti Mohd Sanusi

Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet

Yang Berbahagia

Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar

Ketua Setiausaha Negara

Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Yang Berbahagia

Datuk Seri Noridah Abdul Rahim

Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan

Yang Berbahagia

Dato' Seri Townplanner (Dr.) Maimunah Mohd Sharif

Datuk Bandar Kuala Lumpur

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi

His Excellency Ambassadors and Fellow Diplomats

Para hadirin yang dihormati sekalian

4. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya dapat kita bersama-sama pada pagi ini dalam Festival Taman Kuala Lumpur 2025 yang meletakkan taman sebagai nadi kehidupan bandar. Syukur juga kita panjatkan kerana Kuala Lumpur pada hari ini terus melangkah sebagai sebuah kota berkelas dunia, namun masih mengekalkan wajahnya sebagai sebuah kota yang berjiwa.
5. Penganjuran festival ini sebenarnya telah melengkapkan rangkaian festival flora di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan, iaitu Floria Diraja Putrajaya yang menerima sehingga sejuta pengunjung serta dikenali sebagai ikon taman nasional, Borneo Flora Festival di Labuan yang buat julung kalinya diadakan pada tahun ini juga menjadi platform memperkenalkan keindahan flora Borneo dengan kehadiran menjangkau sasaran sehingga puluhan ribu, dan kini Festival Taman Kuala Lumpur pula menyerikan ibu kota dengan

menampilkan pelbagai jenis flora dalam cabang hortikultur di Malaysia.

Para hadirin sekalian,

6. Untuk tahun ini, festival ini menyasarkan kehadiran seramai 250,000 pengunjung. Ini adalah satu lonjakan yang signifikan berbanding 150,000 pengunjung pada tahun 2023. Selain itu, festival ini akan memberi impak yang signifikan kepada rakyat Kuala Lumpur dengan limpahan ekonomi melalui peningkatan aktiviti pelancongan, penggunaan pengangkutan awam, perhotelan serta perniagaan kecil dan sederhana.
7. Selain memberi manfaat ekonomi, festival ini juga akan turut menyumbang kepada pertumbuhan industri hortikultur tempatan. Ia membuka ruang kepada pengusaha nurseri, floris, pereka landskap, pelajar dan penyelidik untuk memperkenalkan reka bentuk landskap yang berinovatif, teknologi hijau dan solusi lestari hasil ciptaan tempatan. Usaha ini kelak akan memperkukuh rantaian nilai industri hortikultur serta mengangkat hasil kreativiti tempatan ke pentas antarabangsa.

Para hadirin sekalian,

8. Pada masa sama, Kuala Lumpur terus menunjukkan contoh bagaimana taman dan ruang hijau awam berfungsi sebagai sistem penyejukan semula jadi bandar, tadahan air semula jadi serta hab biodiversiti bandar yang menyokong pemuliharaan spesies tumbuhan endemik. Festival ini juga mengetengahkan inisiatif

pemuliharaan warisan flora negara, termasuk spesies endemik dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak, menjadikan taman bandar ini sebagai bank genetik dan arkib biodiversiti negara.

9. Apa yang lebih bermakna, festival ini turut menyemai semangat keterlibatan bersama atau *co-creation* yang membina bandar bersama rakyat, bukan hanya untuk rakyat. Pelbagai aktiviti komuniti, kesenian dan gaya hidup sihat dirangka bagi melibatkan rakyat secara langsung yang mencerminkan keterangkuman dan kesejahteraan sosial bandar.
10. Istimewanya penganjuran pada tahun ini adalah bertepatan dengan kedudukan Malaysia pada ketika ini sebagai Pengerusi kepada Sidang Kemuncak ASEAN 2025. Selain itu, festival ini juga boleh diposisikan sebagai *prelude* menuju Tahun Melawat Malaysia pada tahun hadapan. Insya-Allah, festival ini menjadi sebahagian daripada usaha kita untuk menjayakan visi Bandar CHASE, iaitu sebuah bandar yang bersih, sihat, maju, selamat dan mesra alam.

Ampun Tuanku,

11. Demikianlah sudah persembahan ucapan patik. Patik-patik sekalian mendoakan agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, paduka-paduka anakanda serta seluruh kerabat dikurniakan keafiatan serta terus kekal qarar dalam memayungi negara dan memerintah rakyat dengan penuh adil dan saksama.

Ampun Tuanku.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Menjunjung Kasih Tuanku.

Dirgahayu Tuanku.